

01/07/2001

`Umno mesti kembali kepada perjuangan asal'

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada berkata, Melayu mudah lupa termasuk lupa pada jerih perih dan pengorbanan pejuang bangsa untuk memastikan tanah air bebas daripada belenggu penjajahan.

Situasi itu sudah pasti bukan saja mengecewakan golongan pejuang yang masih hidup, bahkan ramai yang berkecil hati kerana susah payah mereka bekerja keras untuk memerdekakan Tanah Melayu mungkin berakhir dengan sia-sia kerana sikap `keras kepala' anak cucu Hang Tuah yang terus bertelagah sesama sendiri.

Tan Sri Samad Idris, 77, (gambar) yang enam penggal menjadi wakil rakyat adalah antara pejuang kemerdekaan yang menghabiskan zaman mudanya untuk memartabatkan bangsa Melayu, tetapi kini kecewa dengan kemelut yang melanda bangsa Melayu sekarang.

Ikuti luahan rasa beliau mengenai sikap Melayu yang mudah lupa dan survival bangsa dalam temu bual wartawan Berita Minggu, Jamhariah Jaafar di pejabatnya di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) di ibu negara, kelmarin.